		<p>keluarga dari 1500 bayi lebih yang di beri madu sejak lahir. Penyelidikan ini membuktikan <b>TIDAK ADA SATU PUN</b> madu yang tercemar <i>C. Botulinum</i> dan tidak ada satupun bayi yang menderita penyakit botulism kerana madu. (Rahman AM, 2005)</p> <p>Pada tahun 2003, penyelidik yang sama dari Universiti Ain Syams Mesir itu membuat kajian yang lebih berani, "<i>Bee Honey Nebulization as a Non Traditional Treatment of Acute Bronchial Asthma in Infants &amp; Children</i>". Penyelidikan ke atas Madu melibatkan 300 sampel bayi dan kanak-kanak itu telah diterbitkan semula oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007. 35% masalah <i>wheezes</i> pulih dan 31% menurun dengan ketara. Tiada kes botulism dilaporkan</p> <p>Terdapat lebih 8000 artikel dalam journal perubatan antarabangsa, PubMed dan 500 textbook seluruh dunia yang membahas khasiat Madu. Antaranya menyebutkan, dalam madu hutan Nusantara kita mempunyai aktiviti antibakterial semulajadi sehingga mampu membunuh bakteria MRSA (Diah K.P, 2012)</p> <p>Allah berfirman, "...Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang berfikir". (Surah An- Nahl: 69).</p> <p>Kebaikan madu diperjelas lebih lanjut dalam hadith Bukhari, "Kesembuhan dari penyakit itu dengan melakukan tiga hal: berbekam, minum madu dan dibakar dengan besi panas. Tetapi aku melarang umatku membakar dengan besi panas itu"</p> <p>Bagaimanapun, dos pemberian madu pada bayi di bawah umur 1 tahun harus diperhatikan. Cukuplah ditahnik atau diambil bila perlu dengan cara dilarutkan madu dengan air minum perbandingan 1:4</p>
<p>4.</p>	<p>Endapan pada botol madu adalah endapan gula</p>	<p>Tidak semua endapan pada botol madu adalah gula. Madu boleh sahaja mula mengkristal jika kadar glukosanya lebih tinggi dari fruktosa dan air. Cara membezakan endapan campuran gula atau glukosa alami madu adalah dengan memperhatikan: jika endapan padat dan permukaan terlalu kasar maka dipastikan bahawa itu adalah murni endapan gula. Tetapi jika endapan lembut dan hilang disaat botol madu diguncang serta direndam dalam air panas (&lt;40°C) maka ia adalah fenomena alamiah madu asli.</p> <p>(Untung Jaya, Tahun 1992)</p>
<p>5.</p>	<p>Madu dimasukkan ke dalam peti ais tidak akan beku</p>	<p>Justeru pengkristalan madu akan terjadi lebih cepat apabila suhu penyimpanan di bawah 21°C. Kami sudah mencubanya beberapa kali pada madu yang diturunkan langsung dari pohon, hasilnya sama. Madu mengkristal lebih cepat.</p> <p>Sebaiknya jangan simpan madu dalam peti ais. Belilah madu untuk diamalkan, bukan untuk disimpan.</p>



<p><b>6.</b></p>	<p><b>Telur mentah yang dicampur ke dalam madu akan jadi masak</b></p>	<p>Mungkin betul.</p> <p>Telur putih (<i>yolk</i>) mengandungi albumin. Albumin pula mengandungi air. Madu bersifat higroskopik iaitu menyerap air. Apabila albumin bercampur dengan madu, maka air akan diserap oleh madu sehingga telur menggumpal (seakan-akan dimasak)</p>
------------------	--	--

- Cara menguji keaslian madu secara sederhana ada diterangkan dalam video yang mencecah hampir 12,000 penonton dibawah:



Bagaimana menentukan keaslian madu?  
[https://www.youtube.com/watch?v=Ubj\\_M-cWkNo](https://www.youtube.com/watch?v=Ubj_M-cWkNo)

- Bukti Live pengambilan madu di hutan




<https://www.youtube.com/watch?v=TBRIjijZvQ>

- Ekspedisi mencari madu Quad



<https://www.youtube.com/watch?v=5JQ-eJc9XXI>



### 8. Adakah madu membeku @ mengkristal itu madu palsu?




Penghabluran madu (*Honey Crystallization*)

- Sebenarnya madu bukanlah membeku tetapi terjadi penghabluran madu (*honey crystallization*) atau pembutiran. Penghabluran adalah satu proses semulajadi madu bertukar dari cecair menjadi separa pepejal. Penghabluran madu kadang kala menimbulkan salah faham masyarakat yang jarang berinteraksi dengan madu yang diambil dari alam semulajadi. Banyak yang beranggapan bahawa madu yang terhablur adalah madu yang telah dicemari bahan kimia atau produk yang tidak asli. Padahal antara teknik peniaga madu campuran mencegah terjadinya madu menghablur adalah dengan mencampurkan bahan sintetik *interfering agents*, *Corn syrup*, atau *high-fructose corn syrup*. Secara tidak langsung, keaslian madu sudah tidak dapat dipertahankan lagi.
- Proses penghabluran berlaku secara semula jadi dan spontan. Kebanyakan madu mentah atau tanpa pemanasan mempunyai kecenderungan semula jadi untuk menghablur dari masa ke masa. Penghabluran tidak menjejaskan madu kecuali berubah warna dan tekstur. Madu terhablur tidak rosak dan mengekalkan rasa dan kualiti ciri-ciri madu cair. Sesetengah pengamal madu di Negara Eropah lebih menyukai madu menghablur kerana mudah disapu pada roti atau roti bakar tanpa meleleh, rasanya lebih enak dan *creamy*!
- Harus diingat bahawa penghabluran madu tiada kaitan dengan kualiti madu tersebut, tetapi ia adalah sifat madu tulen dan semula jadi.



- Alasan akademik mengapa madu menghablur disebabkan madu adalah larutan gula semulajadi yang pekat. Ia mengandungi lebih dari 70% gula dan kurang daripada 20% air. Ia adalah proses semula jadi bagi madu untuk menghablur kerana ia adalah gula lebih-tepu. Dua gula ringkas utama dalam madu adalah fruktosa (gula buah-buahan) dan glukosa (gula anggur). Kandungan fruktosa dan glukosa dalam madu berbeza dari satu jenis ke satu jenis madu yang lain.



- Secara amnya, jumlah fruktosa dalam madu adalah 30-44% dan glukosa 25-40%. Bahan selain dari dua gula utama ini adalah penyebab utama terjadi penghabluran madu, dan peratusan relatif bahan tersebut menentukan sama ada ia cepat menghablur atau perlahan.

- Apakah yang menghablur?

Glukosa tersebut. Hal ini disebabkan sifat kelarutan glukosa yang lebih rendah. Fruktosa adalah lebih larut dalam air berbanding glukosa dan akan kekal dalam bentuk cecair. Apabila glukosa mula menghablur, ia akan terpisah dari air dan membentuk kristal-kristal kecil. Ia akan terus berubah menjadi bentuk yang stabil, tepu dan akhirnya terhablur.

- Sesetengah madu menghablur secara serentak; beberapa bahagiannya akan terhablur dan membentuk dua lapisan. Lapisan terhablur berada di bahagian bawah balang dan cecair di atas. Saiz kristal yang terbentuk pada madu juga adalah berbeza-beza. Madu terhablur cenderung berwarna cerah/putih pucat kerana dipengaruhi sifat semulajadi glukosa.



### 9. Berapa cepat madu asli akan terhablur?

- Tergantung madu. Sesetengah madu terhablur hanya dalam beberapa minggu selepas terjadi proses pengekstrakan daripada komponen glukosanya secara semulajadi, sedangkan jenis yang lain kekal cecair selama berbulan-bulan atau tahun.
- Faktor-faktor berikut mempengaruhi kelajuan penghabluran:
  - (i) Sumber nektar yang dikumpul oleh lebah
  - (ii) Suhu simpanan
  - (iii) Suhu persekitaran lebah

Masa yang diambil untuk madu menghablur kebanyakannya bergantung kepada nisbah fruktosa kepada glukosa, glukosa kepada nisbah air. Madu yang tinggi gula glukosa dan rendah fruktosa akan menghablur lebih cepat.



Madu sebahagiannya terhablur dan cecair sebahagiannya

- Madu dengan jumlah fruktosa yang lebih tinggi daripada glukosa (<30%) akan menghablur sangat perlahan dan boleh tetap cecair sebagai contoh Acacia, Robinia, Longan, Tupelo dan Jujube/Sidr. Kecepatan madu untuk menjadi hablur juga bergantung kepada kewujudan komponen-komponen semulajadi madu seperti debunga dan lilin lebah madu (*beeswax*). Komponen ini juga menyumbang kepada penghabluran. Madu mentah dari hutan yang tidak dipanas dan tidak ditapis mengandungi kandungan lilin (*beeswax*), debunga dan propolis boleh menghablur dengan lebih cepat. Madu yang telah diproses (contohnya disuling, dipanaskan atau ditapis) akan kekal dalam bentuk cecair dengan lebih lama daripada madu mentah kerana kandungan nutrisi ini telah dikeluarkan.



- **Madu yang disediakan untuk pasaran komersial biasanya telah dipanaskan dan ditapis.** Pemanasan dan penapisan madu akan menyingkirkan partikel-partikel nutirisi yang ada dalamnya. Suhu penyimpanan mempunyai kesan yang besar. Madu menghablur secara pesat di sekitar 10-15°C (59-50°F). Suhu rendah meningkatkan kelikatan madu (madu jadi lebih tebal apabila sejuk). Keadaan ini sedikit sebanyak memberi impak penghabluran. Proses penghabluran madu menjadi lebih rendah pada suhu yang lebih tinggi lebih daripada 25°C (77°F). Apabila suhu 40°C (104°F) kristal akan mencair. Suhu melebihi 40°C (104°F) untuk jangka masa lebih dari 20 minit akan merosakkan sifat-sifat madu.
- Kami pernah bawa pulang madu hutan dalam bentuk bongkah sarang yang belum di keluarkan madunya. Kami cuba sendiri masukkan ke peti ais bahagian bawah supaya kental. Hasilnya, madu tetap menghablur. Namun rasanya luar biasa enak!




**Keterangan:**

- A: Team Quadmeds di hutan menurunkan madu
- B: Bawa pulang 1 bongkah sarang yang masih tersimpan madu
- C: Sarang dibelah
- D: Selepas 2 bulan madu disimpan dalam peti ais bahagian bawah
- E: Kelihatan madu hutan yang dikentalkan mudah menghablur


- Sekiranya lebah hutan memakan nectar bunga pokok getah atau pokok kaliandra, biasanya proses penghabluran akan berlaku lebih cepat.
- Tetapi boleh saja madu hutan lama sekali mengkristalnya terutama madu yang diambil dari pergunungan tinggi yang jauh dari kebun dan penempatan manusia.





### 10. Bagaimana cara mencairkan madu yang terhablur?

- Madu terhablur boleh dikembalikan kepada bentuk cecair dengan perlahan-lahan dipanas dalam rendaman air panas (Bain Marie). Pemanasan hendaklah digunakan secara tidak langsung, tidak boleh secara terus api ke botol. Suhu dalam sarang lebah adalah kira-kira 35°C (95°F) dan boleh meningkat kepada 40°C (104°F) ketika musim panas apabila madu lebah telah matang. Dalam proses untuk mencairkan madu, suhu yang terbaik untuk ia menjadi panas adalah pada 35-40°C (95-104°F). Suhu tidak seharusnya melampaui atau melebihi 40°C (104°F) untuk mengelakkan daripada pemanasan melampau.



- Pemanasan madu dalam tempoh masa yang lama akan mengurangkan kualiti dengan termusnahnya enzim, kehilangan rasa dan aroma. Pemanasan mesti dilakukan dengan pengawasan agar madu tidak rosak.
- Keluarkan madu dari botol dengan sudu kayu lalu masukkan ke balang kaca. Panaskan periuk berisi air yang mencukupi ke balang madu pada suhu sekitar 35-40°C (95-104°F). Tutup balang madu dan tenggelamkan balang ke dalam air. Biarkan ia selama 20 minit. Haba secara perlahan-lahan akan menguraikan kristal glukosa dan menjadi cecair semula. Kacau sesekali dan gantikan air panas jika perlu. Keluarkan balang madu dari rebusan air (takungan air panas) apabila madu menjadi cecair semula.



### 11. Bolehkah tahnik bayi dengan madu?



- Boleh. Dalam Islam, sunat hukumnya menyambut kelahiran bayi dengan bertahnik. Ibnu Hajar Al-Asqalani rahimahullah menjelaskan pengertian tahnik,

*"Tahnik ialah mengunyah sesuatu kemudian meletakkan/ memasukkannya ke mulut bayi lalu menggosok-gosokkan ke langit-langit mulut. Hal ini dilakukan dengan tujuan agar bayi terlatih dengan makanan, juga untuk menguatkannya. Yang patut dilakukan ketika mentahnik hendaklah mulut (bayi tersebut) dibuka sehingga (sesuatu yang telah dikunyah) masuk ke dalam perutnya. Yang lebih utama, mentahnik dilakukan dengan kurma kering (tamr). Jika tidak mudah mendapatkan kurma kering (tamr), maka dengan kurma basah (ruthab). Kalau tidak ada kurma, boleh diganti dengan sesuatu yang manis. **Tentunya madu lebih utama dari yang lainnya**"*

Di negara jauh dari tanah Arab dan kaya dengan Madu hutan asli, sudah tentu Madu menjadi alternatif masyarakat Melayu untuk mentahnik bayi sejak zaman berzaman.

Antara hikmah perubatan dari amalan tahnik adalah ketika bayi baru lahir, terjadi pemisahan antara darah ibu dan bayi. Tali pusat diputus. Oleh itu, bayi sering mengalami keadaan hipoglikemik (kekurangan glukosa dalam darah). Amalan tahnik bantu menstabilkan glukosa dalam darah bayi dengan cara paling cepat dan efektif. Dalam hal ini, Madu memainkan peranan yang sangat penting.

- **JAMINAN PULANGAN WANG KEMBALI!** Sekiranya ada yang membuktikan madu Quad tidak asli, kami akan pulangkan wang dua kali ganda. Bagi kami, jujur adalah asas perniagaan. Sifat inilah yang dicontohkan oleh Baginda Nabi *Sallahu'alaihiwasaalam* sehingga diberi gelar '*al-Amin*' oleh masyarakat Quraisy. Gelar '*al-amin*' tersebut tidak pernah di beri kepada orang sebelum dan sesudah baginda Nabi.



**12. Bagaimana proses penurunan kadar air yang membuat ia kental?**

- Kadar air dalam madu dapat menentukan kualiti madu, semakin tinggi kadar air madu maka semakin rendah kualiti madu. Kadar air madu yang baik maksimum 22% mengikut *Codex Standard for Honey, Stan 12-1981 (Codex)*
- Kadar air yang rendah akan menjaga madu dari rosak untuk jangka waktu yang relatif lama (Gojmerac, 1980 dalam Siregar, 2002)
- **Alhamdulillah, kadar air semulajadi dalam Madu Quad sudah sememangnya rendah iaitu 9.9 (Rujuk Sijil Analisa Makmal di atas)**
- Faktor yang mempengaruhi tingginya kadar air madu hutan khatulistiwa kita, salah satunya disebabkan oleh iklim hujan sepanjang tahun dan mempunyai kelembaban udara yang tinggi
- Beberapa cara dapat digunakan untuk menurunkan kadar air antara lain:
  - o **Pemanasan langsung (dimasak)**
  - o **Pemanasan tidak langsung (dehidrasi)**
  - o **Penguapan (dehumidifikasi).**


	<b>Pemanasan Langsung (Jemur/dimasak)</b>	<b>Pemanasan tidak langsung (Dehidrasi)</b>	<b>Penguapan (dehumidifikasi)</b>
<b>Peralatan</b>	Periuk	Vakum Dehidrator	<i>dehumidifier</i>
<b>Kadar air</b>	Menurun	Menurun	Menurun
<b>Mikrob</b>	Mati	-	Normal
<b>HMF</b>	Meningkat	Meningkat	Normal
<b>Aktiviti Enzim Diastase</b>	Menurun	Menurun	Normal
<b>Kualiti Madu</b>	Rosak	Rosak	Baik

- Salah satu teknik menurunkan kadar air madu adalah dengan pembinaan bangunan penurun kadar air madu yang terdiri atas gabungan Ruang Kedap Udara dan penggunaan alat *dehumidifier*




Alat dehumidifier


- *Dehumidifier* merupakan alat yang berfungsi menurunkan kelembaban udara untuk mengkondensasi air dari udara. *Dehumidifier* dapat menurunkan kadar air madu berdasarkan prinsip hubungan keseimbangan antara Rh udara dan kadar air madu. Dimana antara keduanya terjadi keseimbangan, semakin tinggi kelembaban nisbi (Rh) persekitaran maka semakin tinggi pula kadar air madu (Martin, 1958 dalam Siregar, 2002).
- Rh udara diturunkan lebih rendah daripada Rh keseimbangan kadar air awal madu agar kandungan air madu menguap mencapai kadar yang diinginkan (Febrinda, 1993 dalam Siregar, 2002)
- Bangunan penurun kadar air madu dibina dengan ukuran  $4,5 \times 2\text{m}^2$ . Terdiri atas 2 ruang, iaitu Ruang Kedap dan Ruang Penahan



Pelan bangunan penurun kadar air madu: Ruang Kedap Udara (A) dan Ruang Penahan (B)



- Ruang Kedap Udara berfungsi sebagai ruang penurun kadar air madu. Dinding dilapisi keramik dan bahagian siling dilapisi span dan dibina dari bahan kayu lapis yang bermelamin. Di dalam ruang tersebut diletakkan alat *dehumidifier*, penghawa dingin, alat ukur suhu udara, pengukur kelembaban udara, rak dan wadah penyimpanan madu.
- Rak penyimpanan madu dari bahan tidak berkarat. Ruang beserta rak pada bangunan ini mampu menampung wadah penyimpanan madu sebanyak 120 buah. Jika wadah diisi madu dengan ketebalan 2 cm, satu wadah mampu menampung madu dengan berat 2 sampai 2,25 kg maka minimum mampu mengolah 240 - 270 kg madu dalam satu masa.
- Ruang kedua berfungsi sebagai Ruang Penahan agar saat pintu Ruang Kedap Udara dibuka, ruang ini tidak terlalu banyak dipengaruhi oleh keadaan atmosfera di luar bangunan yang memiliki kelembaban tinggi. Selain itu, ruang ini juga berfungsi sebagai tempat menyimpan peralatan atau kelengkapan lainnya. Untuk mengurangi kelembaban udara di ruang penahan ini maka dipasang *exhaust fan*.



**Keterangan:**

A: Ruang Kedap Udara  
B: Ruang Penahan

- 1: Rak penyimpanan madu
- 2: Penghawa dingin dan dehumidifier
- 3: Meja penyangkapan madu
- 4: *Exhaust fan*



- *Dehumidifier* adalah alat utama yang merubah molekul udara yang lembab menjadi titisan air menggunakan koil penyejuk dan kipas kecil. Semakin besar jumlah dan laju penyerapan wap air dari udara, semakin meningkatkan penurunan kadar air dalam madu.
- Proses penurunan kadar air ini berlaku secara perolakan tanpa sebarang pemanasan langsung atau bersentuhan dengan objek metal. Suhu dipertahankan pada  $\pm$ suhu bilik.
- Penggunaan bangunan penurun kadar air madu menghasilkan madu berkualiti tinggi, tiada masa luput, serta memenuhi piawai madu antarabangsa. **Namun Quadmeds tidak menggunakan metode ini kerana sumber madu yang diperolehi saat ini menunjukkan kadar air yang cukup rendah iaitu 9.9% menjadikan Madu Quad benar-benar madu mentah asli bermutu tinggi dari pergunungan hutan!**

Madu Quad juga mengandungi kadar air yang rendah kerana dituai dari pohon tualong menggunakan **teknik tiris** (bukan perah)



<https://www.youtube.com/watch?v=SiiPYHXTzLM>

Demonstrasi Live Madu Quad Edisi Sarang

#### 14. Mengapa ada Madu Hutan berwarna kuning dan madu hutan berwarna gelap?

Mengapa madu hutan berbeza warna sudah dijelaskan oleh Tuhan Sekalian Alam,

*"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: Buatlah sarang-sarang dibukit-bukit, di pohon-pohon kayu dan di tempat-tempat yang dibikin manusia, kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang **BERMACAM-MACAM WARNANYA**, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkannya"*

(QS. Surat An-Nahl [16] : 68-69).

Pengalaman kami turun langsung ke hutan mengumpulkan madu tualang, jika lebah bersarang dikawasan **hutan tanah rendah**, berhampiran dengan pokok akasia, sawit, rawa-rawa gambut, biasanya warna madunya gelap.



Namun, sekiranya lebah bersarang di kawasan **hutan tanah tinggi**, pergunungan, kebun getah dan buah-buahan, termasuk kawasan pulau, biasanya madu yang dihasilkan berwarna kekuningan.

### **KHASIATNYA SAMA ATAU TIDAK?**

Bagi kami selagi ia kualiti 1000 bunga (multifloral hutan), sangat bagus buat memelihara kesihatan tubuh dan terapi penyakit.

Jadi, jangan pelik kalau Madu Tualang Quad memiliki warna yang pelbagai. Kalau kami jual madu sintetik, boleh lah warnanya seragam lantaran mereka pakai pewarna tiruan. Ini cerita madu hutan.

Lebih aneh, team kami pernah bertemu madu hutan yang warnanya jernih seakan mineral water!

Lokasinya di kawasan gua batu kapur dan bebatuan. Tapi jarang sekali.

**Perhatian:** Khusus madu hutan yang diambil di daerah Riau, Sumatera kami mendapati kadar Plumbum nya terlalu tinggi hingga tidak bagus diminum sebagai ubat. Hal ini terjadi disebabkan lokasi tersebut terdedah kepada pencemaran industri petroleum, gas dan sawit yang besar sehingga mempengaruhi air hujan, tanah dan udara.







MADU TUALANG BERWARNA PUTIH  
SEPERTI MINERAL WATER



### **15. Mengapa madu hutan kadang bergas?**

Madu Quad adalah madu fresh turun dari sarang, pemeriksaan kualiti, tiris dan terus bottling. Jadi, terkadang kita boleh saksikan sendiri fenomena alamiah madu tualang bila terkena goncangan saat pengeposan.

Kenapa jadi fenomena ini?

1. Kadar air madu hutan yang tinggi. Tetapi tidak setinggi kadar air madu kelulut.
2. Aktiviti enzimatik (diastase)
3. Tekanan dari dalam madu akibat dari goncangan ketika delivery
4. Fermentasi alamiah madu

Gas keluar hampir sukar ditampung. Tetapi jangan khawatir kerana khasiatnya masih tetap bagus. Kalau madu busuk, dia akan berbau alkohol @ tengik. Bagi menghindar kejadian seperti diatas,

1. Jika anda menerima melalui pos, diamkan botol madu selama 24 jam sebelum penutup dibuka
2. Sebaiknya diamkan dalam peti ais bahagian bawah untuk meredam tekanan gas.
3. Letak dalam mangkuk sekiranya madu tetap mengeluarkan buih. Jangan dibuang ke dalam sinki! Madu akan kembali ke bentuk semula apabila tekanan gas hilang.

**Pun begitu, masalah ini sudah diatasi 99% kerana pihak syarikat telah menggunakan botol anti-pecah dan anti-tumpah!**

### **16. Kenapa madu Quad cair?**

Karakteristik madu hutan Khatulistiwa memang seperti itu. Kelihatannya lebih cair dari madu Arab tetapi lebih kental dari madu kelulut. Menunjukkan madu Quad kaya dengan manfaat enzim diastase (air liur lebah).

Ia kelihatan cair bukan kerana dicampur air atau kadar air nya tinggi. Hasil makmal membuktikan kadar air madu Quad antara yang terendah iaitu 9.9% sahaja. Saksikan sendiri penggambaran real disini.

<https://www.youtube.com/watch?v=9rPwUsJbf48>





**17. Bagaimana madu hutan boleh dapat bertan-tan?**

Logiknya, jika 1 pohon tualang ada sekitar 20 sarang dan 1 sarang menghasilkan 10-15 kg madu maka kita sudah peroleh 200 kg madu. Di hutan Sumatera, Pahang, Bima, dan lain-lain ada beribu pohon Tualang.

Jadi ketika musim bunga hutan, kita dapat mengumpulkan bertan-tan madu hutan sehingga minimum 20 tan per tahunnya.

- Meningkatkan stamina dan kesuburan
- Memperbaiki fungsi pencernaan
- Mempercepat proses penyembuhan luka
- Sumber antibiotik semula jadi
- Membantu mengeluarkan racun tubuh
- Sumber vitamin dan mineral lengkap
- Sebagai sumber energi instant tanpa meningkatkan gula darah
- Menghaluskan kulit (sebagai maske)
- Sebagai pengganti gula, pemanis buatan dan MSG (Penyedap rasa)

KOD BRAND	TM	ISI	Unit	Unit
MQ100 gr	PM25	PM30	1000	1000
MQ200 gr	PM50	PM60	500	500
MQ300 gr	PM75	PM90	333	333
MQ400 gr	PM100	PM120	250	250

\*Gunakan selalu 2 macam ubat yaitu Al-Quran & Madu\* (Hadis Bukhari)

**USING HONEY TO HEAL WOUNDS**

h Apis l

**PROSES PENGUMPULAN MADU QUAD DARI POHON TUALANG**



<https://youtu.be/vmM8c4Z08SY>

Proses pengambilan madu Quad

### **18. Betul kah madu tidak boleh masuk botol plastic?**


Mitos! Faktanya, banyak jenama antarabangsa seperti Manuka Honey, Capillano Honey, Polleney, dan lain-lain menggunakan bahan plastik dalam pembotolan madu mereka bagi menghindari kejadian pecah dan tumpah.

Justeru, Quadmeds menggunakan botol jenis *High Density Poly Ethylene* (HDPE) yang tahan panas, tidak menggunakan pelembut, dan selamat untuk makanan. HDPE boleh digunakan berulang-ulang kali berbanding botol jenis *Poly Ethylene* (PET) yang hanya boleh digunakan sekali sahaja seperti botol air mineral.

Penggunaan botol HDPE juga amat meluas dalam industri farmaseutikal.

Isu yang sebenar adalah menggunakan mesin filling dari bahan metal yang terbukti dapat menimbulkan reaksi dengan ion semulajadi OH<sup>-</sup> pada madu membentuk ikatan ion baru seperti karat. Hal ini dapat mengurangi manfaat antibakteria pada madu tersebut.

Alhamdulillah, Quadmeds tidak menggunakan bahan metal sama sekali dalam proses pembotolan madu. Pun begitu, kami tetap mengeluarkan madu dalam botol kaca untuk pelanggan 'self pick up' sahaja.

**RUJUKAN:**

1. Revised Codex Standard for Honey. Revised Codex Standard Codex stan 12-1981, Rev.1 (1987), Rev.2 (2001) Harmonized Methods of the International honey commission (1999)
2. Eva Crane, Honey: A Comprehensive Survey (Heinemann, London, 1979).
3. Randy Oliver: Beginning beekeepers workshop 2013
4. Eva Crane, Honey crystallization.  
<http://www.honey.com/images/downloads/crystallization.pdf>
5. I. Manikis et al, The relation of physicochemical characteristics of honey and the crystallization sensitive parameters. *Apicta* 3, 2001  
<http://www.apimondiafoundation.org/foundation/files/2001/I.%20MANIKIS,%20A.%20TH%20RASYVOULOU.pdf>
6. Kumpulan Peminat Lebah Kelulut & Lebah Madu. <http://www.kelablebahkelulut.com/2014/11/madu-berkristal-adakah-ianya-petanda.html>
7. Ayu Diah KP et al. Antibacterial Activity of Indonesian Local Honey Against Strains of *P. Aeruginosa*, *S. Aureus* and *MRSA*. 2012  
<http://www.jprjournal.com/index.php/jpr/article/download>
8. T.F Midura et al., Isolation of *Clostridium botulinum* from honey. *Journal of Clinical Microbiology*. Feb. 1979  
<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC273008/pdf/jcm00187-0144.pdf>
9. WHO: Botulism. <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs270/en/>
10. Brett MM. A case of infant botulism with a possible link to infant formula milk powder: evidence for the presence of more than one strain of *Clostridium botulinum* in clinical specimens and food. *J Med Microbiol*. 2005  
<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/16014431>
11. How to prevent sugar crystallization. 2013. <http://makemessy.com/how-to-prevent-crystallization-of-sugar/>
12. Fathul Baari, Ibnu Hajar Al Asqolani, terbitan Darul ma'rifah-Beirut, tahun 1379 H, 9: 558
13. Ancaman madu campuran, sintetik  
[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0927&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0927&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm)
14. Yuliasutiningsih. Perbandingan madu mangga dan madu rambutan berdasarkan kadar air, cemaran logam timbal (pb) dan tembaga (cu). Universiti Brawijaya, Malang 2015.  
<http://fapet.ub.ac.id/wp-content/uploads/2015/01/perbandingan-madu-mangga-dan-madu-rambutan-berdasarkan-kadar-air-cemaran-logam-timbal-pb-dan-tembaga-cu-yuliasutiningsih-lilik-eka-radiati-dan-djalal-rosyidi.pdf>
15. Bahaya Madu Sintetik. 2016  
[http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0915&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_02.htm](http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0915&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm)
16. Darmawan S. Penurunan Kadar Air Madu Hutan Alam Sumbawa. Prosiding Seminar Nasional Peranan Hasil Litbang HHBK Dalam Mendukung Pembangunan Kehutanan
17. Saba ZH. Honey. *Food or medicine*. *Med & Health* 2013; 8(1): 3-18.  
[http://journalarticle.ukm.my/7035/1/2.MS164-Proof\\_\(3-18\).pdf](http://journalarticle.ukm.my/7035/1/2.MS164-Proof_(3-18).pdf)
18. Zainol MI. Antibacterial activity of selected Malaysian honey. *BMC Complementary and Alternative Medicine*. 2013.



<https://bmccomplementaltermed.biomedcentral.com/articles/10.1186/1472-6882-13-129>

19. Lambakan madu palsu, sintetik.

[http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0815&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2016&dt=0815&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_02.htm)